

PKS perlu tingkatkan digitalisasi perniagaan

Walaupun terdapat peningkatan dalam jumlah penyertaan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam platform pendigitalan, peratusan usahawan PKS yang beralih kepada platform e-dagang masih boleh dipertingkatkan lagi.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata terdapat peningkatan jumlah usahawan PKS yang menyertai platform pendigitalan adalah termasuk dari kawasan luar bandar dan mereka yang terjejas berikutan pandemik COVID-19.

Katanya, berdasarkan kaji selidik Digital PKS Malaysia 2018 yang dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia dan Huawei Technologies Malaysia Sdn Bhd, majoriti PKS menggunakan komputer dan internet sebagai medium operasi perniagaan.

"Kaji selidik juga mendapati PKS masih menghadapi masalah menambah baik operasi perniagaan daripada pengkomputeran kepada digitalisasi.

"Ini disebabkan PKS menghadapi isu dari segi kos, teknologi, infrastruktur dan kemahiran penggunaan digital dalam operasi syarikat," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Corp Malaysia dipertanggungjawabkan sebagai peneraju antara satu teras di bawah Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NESR) yang bertujuan mempercepatkan penerapan e-dagang dalam kalangan usahawan.

Bagi tempoh 2016 hingga 31 Mei 2020, sebanyak 322,834 PKS menyertai platform e-dagang, manakala sebanyak 171,776 PKS menghadiri latihan melalui pelbagai program daripada rakan strategik e-dagang, persatuan dan agensi kerajaan.

Sektor ICT menyumbang sebanyak RM267.7 bilion atau 18.5 peratus kepada komponen Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2018.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh SME Corp Malaysia mengenai adaptasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam kalangan PKS, terdapat peningkatan dari segi pembabitian PKS dalam perniagaan dalam talian iaitu sebanyak 26 peratus kepada 37 peratus pada 2018.

Bagi 2019, penyertaan PKS dalam perniagaan dalam talian adalah sebanyak 35.3 peratus. Sehingga 31 Januari 2020, sebanyak 276,176 entiti berdaftar sebagai perniagaan dalam talian melalui pendaftaran di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

BERNAMA